

04/12/1999

WSSRC iktiraf pelayaran solo Azhar

LANGKAWI, Jumaat - World Speed Sailing Record Council (WSSRC) yang beribu pejabat di United Kingdom, secara rasmi mengiktiraf rekod pelayaran solo mengelilingi dunia dengan dibantu, yang dicipta Datuk Azhar Mansor.

Berita itu diterima Azhar awal bulan lalu dan beliau memaklukkannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku penaung Cabaran Jalur Gemilang ketika ditemuinya di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima '99), kelmarin.

Sejak kembali, Azhar, 41, sibuk menghadiri sesi dialog untuk dikongsi pengalamannya selama belayar merentasi tiga lautan dan lima tanjung paling selatan di dunia.

"Kini, saya mempunyai tanggungjawab yang lebih banyak. Jadual saya begitu ketat. Saya akan berehat sementara sepanjang Ramadan ini dan meluangkan sedikit masa untuk menghasilkan buku dan filem dokumentari," katanya ketika ditemui di Awana Porto Malai di sini, hari ini.

Di Lima '99, Azhar menjadi tumpuan ramai kerana kejayaannya menjadi rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia dan beliau diterima baik warga maritim dan korporat.

Pelayar kelahiran Perlis itu mencatat masa selama 190 hari enam jam 57 minit dan dua saat untuk melengkapkan pelayaran bersejarah itu.

Beliau memulakan pelayaran mengelilingi dunia secara solo dari Awana Porto Malai, Tanjung Malai, Langkawi, 2 Februari lalu.

(END)